



**PENYIASATAN PERBELANJAAN  
UNTUK PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**  
*ENVIRONMENTAL PROTECTION  
EXPENDITURE SURVEY*

**2015**

**PANDUAN MENGISI SOAL SELIDIK**  
*GUIDELINES TO COMPLETE  
THE QUESTIONNAIRE*



**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*

## A. PANDUAN UMUM

1. Semua maklumat yang diberikan dalam soal selidik ini hendaklah meliputi tahun takwim. Walau bagaimana pun, bagi pertubuhan yang tahun kewangannya tidak sama dengan tahun takwim dan berbeza tidak lebih daripada **enam bulan** dari tahun takwim maka maklumat tersebut boleh diterima.
2. Maklumat yang dikumpul adalah mengikut peruntukan di bawah **Akta Perangkaan, 1965 (Disemak-1989). Seksyen 5 di bawah Akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan.** Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik yang diterima adalah **SULIT** dan tidak boleh dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi di luar Jabatan ini. Sementara itu, Seksyen 7 di bawah Akta yang sama memperuntukkan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama kepada penyiasatan yang dijalankan.
3. Semua nilai hendaklah dilaporkan dalam **Ringgit Malaysia (RM) yang terhampir.**
4. Sila jawab semua soalan dan catatkan **“Tiada”** atau **“Tidak Berkaitan”** di mana berkaitan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan pertanyaan yang tidak perlu.

## B. OBJEKTIF

Penyiasatan ini merupakan sebahagian daripada usaha yang dijalankan oleh Jabatan dalam mengumpul, menyusun, menganalisis dan menyebarkan statistik alam sekitar. Data daripada penyiasatan ini akan digunakan bagi penerbitan Penyiasatan Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar yang dikeluarkan secara tahunan oleh Jabatan. Ia juga merupakan input kepada *System of Environmental and Economic Accounts (SEEA)* yang sedang dibangunkan.

Objektif penyiasatan ini ialah untuk mengumpul maklumat berkaitan:

1. Perbelanjaan perlindungan alam sekitar bagi empat media iaitu udara, air, air bawah tanah dan bunyi bising;
2. Perbelanjaan untuk menguruskan sisa terjadual, sisa pepejal tidak berbahaya dan air sisa;
3. Perbelanjaan untuk bayaran penilaian & audit alam sekitar dan caj alam sekitar;
4. Perbelanjaan untuk sumber tenaga diperbaharui; dan
5. Sumber dan kuantiti penggunaan air.

## C. SKOP DAN LIPUTAN

Penyiasatan ini meliputi sektor di dalam Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 (MSIC 2008) seperti berikut:

1. Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
2. Perlombongan dan Pengkuarian

3. Pembuatan
4. Pembinaan
5. Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara
6. Bekalan Air, Pembetulan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemulihan
7. Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
8. Pengangkutan dan Penyimpanan
9. Penginapan
10. Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman
11. Maklumat dan Komunikasi
12. Aktiviti Hartanah
13. Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal
14. Pendidikan
15. Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial
16. Kesenian, Hiburan dan Rekreasi
17. Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan
18. Aktiviti Perkhidmatan Lain

#### **D. PANDUAN KHUSUS MENGISI SOAL SELIDIK**

##### **SOALAN 1: MAKLUMAT PENGENALAN**

Soalan 1.1: Sila nyatakan nombor pendaftaran syarikat/perniagaan (SSM) atau lain-lain.

Soalan 1.2: Sila nyatakan aktiviti utama pertubuhan (keutamaan sektor merujuk kepada label di soal selidik).

Soalan 1.3: Sila laporkan tempoh perakaunan pertubuhan merujuk kepada:

a) Tahun takwim (tahun rujukan 2014) seperti berikut:

1 JANUARI 2014 – 31 DISEMBER 2014

b) Tahun kewangan:

Merujuk kepada tahun kewangan syarikat (sekurang-kurangnya 6 bulan dalam tahun rujukan 2014).

Contoh:

1 Mei 2013 – 30 April 2014	Tahun Rujukan kurang daripada 4 bulan	Tidak diterima
1 Mei 2014 – 30 April 2015	8 Bulan	Diterima
1 Julai 2013 – 30 Jun 2014	6 Bulan	Diterima
1 Julai 2014 – 30 Jun 2015	6 Bulan	Diterima

## **SOALAN 2: PEKERJA**

Sila nyatakan bilangan pekerja, merujuk kepada bilangan pekerja yang diambil bekerja seperti pada bulan terakhir tahun rujukan, 31 Disember 2014. Rujuk konsep pekerja di **muka surat 2** pada soal selidik.

## **SOALAN 3: PEROLEHAN/PENDAPATAN**

Sila laporkan jumlah perolehan/pendapatan kasar syarikat bagi tahun rujukan 2014 dalam Ringgit Malaysia (mengikut tempoh laporan di soalan 1.3). Rujuk konsep perolehan/pendapatan di **muka surat 2** pada soal selidik.

## **SOALAN 4: MAKLUMAT PERBELANJAAN UNTUK PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

Sila laporkan perbelanjaan (RM) bagi aktiviti dan media dengan merujuk kepada konsep asas dan definisi di **muka surat 7 hingga 9** pada soal selidik. Perbelanjaan yang terlibat melibatkan media udara, air, air bawah tanah dan bunyi bising, manakala aktiviti adalah seperti berikut:

- (i) Pengawasan alam sekitar
- (ii) Tebus guna tapak dan pembersihan
- (iii) Peredaan dan kawalan pencemaran
- (iv) Pencegahan pencemaran

Contoh perbelanjaan mengikut media:

### (i) Udara

Belanja operasi – pembelian penapis habuk/asap, upah pekerja yang menjaga mesin Insinerator.

Belanja modal – pembinaan serombong baru atau lain-lain major pembaikan bagi peralatan pengawasan udara.

### (ii) Air

Belanja operasi – pembelian bahan kimia untuk merawat air sisa.

Belanja modal – membina loji rawatan air dirawat atau air kumbahan.

### (iii) Air Bawah Tanah

Belanja operasi – bayaran kepada pihak ketiga yang membuat ujian air bawah tanah bagi memastikan tiada kebocoran bahan kimia.

Belanja modal – pemasangan tiub bagi mengesan kandungan air bawah tanah.

### (iv) Bunyi Bising

Belanja operasi – bayaran bagi menguji kesan bunyi di sekeliling kawasan syarikat.

Belanja modal – pembelian alat untuk mengesan skala bunyi dan pemasangan penghadang bunyi yang mematuhi peraturan alam sekitar.

### SOALAN 5: PERLINDUNGAN DAN PEMULIHAN HIDUPAN LIAR DAN HABITAT

Sila laporkan perbelanjaan operasi dan modal bagi perbelanjaan perlindungan hidupan liar dan habitat. Rujuk konsep asas dan definisi di **muka surat 9** pada soal selidik.

### SOALAN 6: PENILAIAN & AUDIT ALAM SEKITAR DAN CAJ ALAM SEKITAR

Sila laporkan perbelanjaan operasi dan modal kecuali bagi caj alam sekitar, hanya melibatkan perbelanjaan operasi sahaja. Rujuk konsep asas dan definisi di **muka surat 9** pada soal selidik

### SOALAN 7: PENGURUSAN SISA DAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Sila laporkan perbelanjaan (RM) dan kuantiti bagi sisa pepejal tidak berbahaya, sisa terjadual dan air sisa. Kuantiti bagi sisa pepejal tidak berbahaya dan sisa terjadual adalah dalam tan metrik manakala air sisa dalam meter padu. Rujuk konsep asas dan definisi di **muka surat 10** pada soal selidik.

### SOALAN 8: LAIN-LAIN PERBELANJAAN ALAM SEKITAR

Sila laporkan perbelanjaan operasi dan modal berkaitan lain-lain perbelanjaan alam sekitar. Rujuk definisi pada soal selidik di **muka surat 5** dan contoh di **muka surat 10**.

### SOALAN 9: LAIN-LAIN MAKLUMAT

(i) Sila tanda (/) pemilikan pensijilan alam sekitar kepada jawapan yang berkaitan. Boleh tanda lebih daripada satu jawapan. Rujuk definisi sijil di **muka surat 11** pada soal selidik. Pastikan sijil masih sah pada tahun rujukan 2014.

Contoh jawapan:

Contoh 1	Contoh 2	Contoh 3	Contoh 4
<input checked="" type="checkbox"/> / ISO 14001	<input type="checkbox"/> ISO 14001	<input checked="" type="checkbox"/> / ISO 14001	<input type="checkbox"/> ISO 14001
<input type="checkbox"/> Pensijilan Antarabangsa	<input checked="" type="checkbox"/> / Pensijilan Antarabangsa	<input checked="" type="checkbox"/> / Pensijilan Antarabangsa	<input type="checkbox"/> Pensijilan Antarabangsa
<input type="checkbox"/> Tiada	<input type="checkbox"/> Tiada	<input type="checkbox"/> Tiada	<input checked="" type="checkbox"/> / Tiada

Contoh 1: Sila lapor tahun sijil ISO 14001 bermula dan tamat.

Contoh 2: Sila nyatakan nama pensijilan antarabangsa seperti ISO 14064, RSPO, MTSC dll.

Contoh 3: Rujuk kepada Contoh 1 dan 2.

Contoh 4: Sila tanda 'Tiada' jika tiada pensijilan alam sekitar.

(ii) Sila laporkan perbelanjaan operasi dan modal yang dilaburkan dalam sumber tenaga yang diperbaharui pada tahun 2014. Pelaburan adalah untuk kegunaan sendiri atau untuk kegunaan pertubuhan lain. Rujuk definisi sumber tenaga yang diperbaharui di **muka surat 11** pada soal selidik.

(iii) Sila laporkan kuantiti penggunaan air oleh pertubuhan tuan pada tahun 2014. Pelaporan adalah mengikut sumber air diperoleh. Rujuk definisi sumber air di **muka surat 11** pada soal selidik.

## A. GENERAL GUIDE

1. All information furnished in the questionnaire should be in respect of the calendar year. However, establishments with accounting year different from the calendar year, reports relating to the accounting year differed by not more than **six months** from the calendar year can be accepted.
2. The information gathered is under the provisions of the **Statistics Act, 1965 (Revised–1989), Section 5 of this Act requires all establishments operating in Malaysia to provide actual information or best estimates to the Department.** The Act stipulates that the contents of the individual returns are **CONFIDENTIAL** and will not be divulged to any person or institution outside this Department. Meanwhile, Section 7 under same Act provides the penalty to the respondent that could not comply to the survey undertaken.
3. All values are to be reported to the **nearest Ringgit Malaysia (RM).**
4. Please answer all the questions and write **“Nil” or “Not Applicable”**. This will help to avoid unnecessary queries.

## B. OBJECTIVE

This survey forms an integral part of an ongoing effort by the Department to collect, compile, analyse and disseminate environmental statistics. Data from the survey are used for the annual Environmental Protection Survey publication released by the Department. It is also an input for the System of Environmental Economic Accounts (SEEA) which is being developed.

The objectives of the survey were to gather information pertaining to:

1. Environmental protection expenditure for the four main media namely air, water, groundwater and noise;
2. Expenditure for scheduled waste, non-hazardous solid waste and wastewater management;
3. Expenditure for environmental assessment & audits fees and environmental charges;
4. Expenditure for renewable energy source; and
5. Source and quantity of water consumption.

## C. SCOPE AND COVERAGE

The survey covers sectors in Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008) as follows:-

1. Agriculture, Forestry and Fisheries
2. Mining and Quarrying
3. Manufacturing

4. Construction
5. Electricity, Gas, Steam and Air Conditioning Supply
6. Water Supply, Sewerage, Waste Management and Remediation Activities
7. Wholesale and Retail Trade, Repair of Motor Vehicles and Motorcycles
8. Transportation and Storage
9. Accommodation
10. Food and Beverage Service Activities
11. Information and Communication
12. Real Estate Activities
13. Professional, Scientific and Technical Activities
14. Education
15. Human Health and Social Work Activities
16. Arts, Entertainment and Recreation
17. Administrative and Support Service Activities
18. Other Service Activities

#### **D. SPECIFIC GUIDE TO COMPLETE THE QUESTIONNAIRE**

##### **QUESTION 1: IDENTIFICATION PARTICULARS**

Question 1.1: Please specify, registration number of company/business (CCM) or others.

Question 1.2: Please describe the principal activity of your establishment (priority sector, refer to label in questionnaire).

Question 1.3: Please report the establishment accounting period, refers to:

- a) Calendar year (reference year 2014) as follows:

1 JANUARY 2014 – 31 DECEMBER 2014

- b) Financial year:

Refers to establishment financial year (at least 6 month in reference year 2014).

Example:

1 May 2013 – 30 April 2014	Reference Year less than 4 month	Not Accepted
1 May 2014 – 30 April 2015	8 Month	Accepted
1 July 2013 – 30 June 2014	6 Month	Accepted
1 July 2014 – 30 June 2015	6 Month	Accepted



## QUESTION 2: EMPLOYEES

Please state number of employees referring to the number employed as at end of reference year, 31 December 2014. Refer to the concept of employee on questionnaire in **page 2**.

## QUESTION 3: TURNOVER/INCOME

Please specify the total turnover/gross income for reference year 2014 in Malaysian Ringgit (following the reporting period in question 1.3). Refer to the concept of turnover/income on questionnaire in **page 2**.

## QUESTION 4: INFORMATION ON ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE

Please report expenditure (RM) by activity and media with refer to the basic concepts and definitions on **pages 7 to 9** of the questionnaires. Expenditure incurred involving air, water, groundwater and noise, while the activities are as follows:

- (i) Environmental Monitoring
- (ii) Site Reclamation and Decommissioning
- (iii) Pollution Abatement and Control
- (iv) Pollution prevention

### Example expenditure by media:

#### (i) Air

Operating Cost – purchased of filter for dust/smoke, wages to employees manning the incinerator.

Capital Cost – building of new chimney or other major repair for air monitoring equipment.

#### (ii) Water

Operating Cost – purchased of water treatment chemical.

Capital Cost – building of water treatment plant for treated water and sewage.

#### (iii) Ground water

Operating Cost – payment of groundwater testing by third parties, to ensure there is no chemical leakage.

Capital Cost – installation of tubes to detect ground water contents.

#### (iv) Noise

Operating Cost – payment of noise testing, detect noise surrounding to the company.

Capital Cost – purchased of equipment to detect noise scale and the installation of noise boundary to comply with environmental regulation.

#### QUESTION 5: PROTECTION AND CONSERVATION OF WILDLIFE AND HABITAT

Please report the capital and operating expenditure for protection and conservation of wildlife and habitat. Refer to the questionnaire on the basic concept and definition on **page 9**.

#### QUESTION 6: ENVIRONMENTAL ASSESSMENT & AUDITS AND ENVIRONMENTAL CHARGES

Please report the capital and operating expenditure, except environmental charges only involves operating expenditure. Refer to the questionnaire on the basic concept and definition on **pages 9**.

#### QUESTION 7: WASTE MANAGEMENT AND SEWERAGE SERVICES

Please report the expenditure (RM) and the quantity of non-hazardous solid waste, scheduled waste and waste water. The quantity of non-hazardous solid waste and scheduled wastes are in tonnes, while waste water used cubic meters. Refer to the basic concepts and definitions on **page 10** on the questionnaire.

#### QUESTION 8: OTHER ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE

Please report the operating and capital expenditure which related other environmental protection expenditure. Refer to the definitions on **page 5** and examples on **page 10**.

#### QUESTION 9: OTHER INFORMATION

- (i) Please mark (/) ownership of environmental certification for the related answer. You can mark more than one answer. Refer to the definition of certificates on **page 11** of the questionnaire. Make sure the certificates still valid at reference year 2014.

##### Example answers:

Example 1	Example 2	Example 3	Example 4
<input checked="" type="checkbox"/> / ISO 14001	<input type="checkbox"/> ISO 14001	<input checked="" type="checkbox"/> / ISO 14001	<input type="checkbox"/> ISO 14001
<input type="checkbox"/> International certification	<input checked="" type="checkbox"/> / International certification	<input checked="" type="checkbox"/> / International certification	<input type="checkbox"/> International certification
<input type="checkbox"/> No	<input type="checkbox"/> No	<input type="checkbox"/> No	<input checked="" type="checkbox"/> / No

Example 1: Please report ISO 14001 certification years attained and expired.

Example 2: Please specify name of international certification such as ISO 14064, RSPO, MTSC etc

Example 3: Refer to Example 1 and 2.

Example 4: Please mark 'No' if without environmental certification.

- (ii) Please report the operating expenditure and capital invested in renewable energy sources by 2014. Investment is for own use or for the use of other establishments. Refer to the definition of renewable energy sources on **page 11** of the questionnaire.

(iii) Please report the quantity of water use by the establishment in 2014. Reporting is based on the water resources available. Refer water resource definition on **page 11** of the questionnaire.